



ستياوسها كراجان نكري كلنتن
YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI KELANTAN

SULIT

Ruj. Kami : SUK(S) D200/66/42/(03)

Bertarikh : 17 Zulkaedah 1446H

Bersamaan : 15 Mei 2025M

Ke majlis,

Semua Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Pengarah Jabatan Persekutuan

Semua Ketua Pengurusan Jabatan Negeri dan Persekutuan

Semua Ketua Pengurusan Badan-Badan Berkanun Negeri dan Persekutuan

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri

Semua Yang DiPertua / Pengerusi Badan-Badan Sukarela

YB Dato' / Tan Sri / Dato' Sri / Datuk / Dato' / Tengku / Tuan / Puan,

**PENCALONAN BAGI PENGURNIAAN KEHORMATAN KEBESARAN
NEGERI KELANTAN BAGI TAHUN 1446H/2025M**

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad V yang ke-56 pada tahun 2025, Istiadat Pengurniaan Kehormatan Kebesaran Negeri Kelantan bagi tahun 1446H/2025M akan diteruskan seperti tahun-tahun sebelumnya. Pada tahun ini, antara kehormatan kebesaran yang akan dikurniakan termasuklah Darjah Kebesaran, Bintang, Pingat, Surat Kepujian dan Perlantikan Jaksa Pendamai.

3. Pencalonan bagi pengurniaan kehormatan kebesaran ini, melibatkan pegawai-pegawai negeri dan persekutuan serta anggota badan sukarela, kesenian dan seumpamanya, hendaklah dibuat secara dalam talian melalui Sistem Pengurusan Pengurniaan Kehormatan Kebesaran Negeri Kelantan (**eKurnia Kelantan**) di pautan rasmi <https://ekurnia.kelantan.gov.my>, yang dibuka mulai **15 Mei 2025 hingga 15 Jun 2025**. Borang pencalonan yang telah lengkap diisi melalui sistem perlu dicetak untuk mendapatkan pengesahan daripada pencadang dan Ketua Jabatan masing-masing sebelum dihantar dalam bentuk salinan cetak **selewat-lewatnya pada 22 Jun 2025** ke alamat berikut:

**Yang Berhormat Mulia Tengku Kaya Perkasa
Setiausaha Kerajaan Kelantan
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
Aras 4, MABNA MBI (Blok 8)
Kompleks Kota Darulnaim
15503 Kota Bharu
KELANTAN.**

Untuk makluman, borang pencalonan yang tidak lengkap atau diterima selepas tarikh yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

4. Semasa mengisi borang pencalonan, perhatian khusus hendaklah diberikan kepada **Bahagian 'F'**, yang merangkumi jenis anugerah kehormatan yang dicadangkan serta nama pegawai yang membuat pencalonan. Bagi memastikan maklumat dalam bahagian ini diisi dengan betul, peraturan berikut haruslah dipatuhi:

- (i) Setiausaha Kerajaan akan melengkapkan Bahagian 'F' bagi :-
 - (a) Ketua-Ketua Jabatan
 - (b) Calon-calon dari Badan-Badan Sukarela
- (ii) Ketua-Ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan hendaklah mendapatkan pengesahan daripada Ketua Jajahan dalam Bahagian 'F' (bagi pencalonan yang melibatkan jabatan di Negeri Kelantan sahaja)
- (iii) Ketua-Ketua Jabatan bertanggungjawab untuk melengkapkan Bahagian 'F' bagi pencalonan pegawai dan kakitangan di bawah seliaan mereka
- (iv) Pencalonan bagi Darjah Kebesaran yang membawa gelaran Dato' hendaklah mendapat sokongan daripada pegawai atau individu yang telah menerima darjah kebesaran yang sama atau lebih tinggi

5. Setiap Ketua Jabatan atau ketua badan sukarela bertanggungjawab memastikan hanya calon yang benar-benar berkelayakan dikemukakan, agar kurniaan diberikan kepada individu yang telah berjasa dan berkhidmat dengan cemerlang. Semasa membuat perakuan, huraian mengenai sumbangan dan pencapaian calon hendaklah ditulis secara ringkas dan padat. Pencalonan tahun-tahun sebelumnya yang masih belum diperkenankan boleh dikemukakan semula sekiranya masih layak, dengan tambahan hujah sokongan.

6. Pegawai yang mengemukakan pencalonan bertanggungjawab untuk memastikan bahawa calon belum pernah menerima Darjah Kebesaran, Bintang atau Pingat yang dicadangkan. Calon yang telah menerima kurniaan **hanya boleh dicalonkan semula selepas tempoh lima (5) tahun** dari tarikh penerimaan terdahulu. Sekiranya seseorang pernah menolak tawaran pengurniaan, pencalonan semula tidak perlu dikemukakan.

7. Ketua Jabatan Negeri yang ingin mencalonkan Pegawai Kerajaan Persekutuan yang bukan di bawah seliaannya hendaklah terlebih dahulu mendapatkan persetujuan daripada Ketua Jabatan pegawai berkenaan sebelum pencalonan dikemukakan. Sebagai langkah terbaik, cadangan pencalonan hendaklah terlebih dahulu dikemukakan kepada Ketua Jabatan pegawai tersebut untuk pertimbangan. Jika pencalonan itu dianggap sesuai, Ketua Jabatan berkenaan boleh mengemukakannya secara terus kepada Pentadbiran ini.

8. Ketua-Ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan juga boleh mencalonkan individu bukan Pegawai Kerajaan yang telah memberikan sumbangan besar atau bantuan berterusan kepada jabatan sebagai penghargaan atas peranan mereka dalam meningkatkan keberkesanan perkhidmatan dan sokongan terhadap jabatan.

9. Untuk sebarang pertanyaan berkaitan perkara ini, sila hubungi Pentadbiran ini di talian 09-7481957 sambungan 8406 / 8404.

10. Perhatian dan kerjasama pihak YB Dato' / Tan Sri / Dato' Sri / Datuk / Dato' / Tengku / Tuan / Puan dalam urusan ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

*** ISLAM MEMBIMBING, RAJA MEMIMPIN, NEGERI DIBERKATI ***

*** SEMOGA ALLAH MELINDUNGI TUANKU DUNIA DAN AKHIRAT ***

Dengan hormatnya,



DATO' DR. TENGKU MOHAMED FAZIHARUDEAN BIN TENGKU FEISSAL, S.P.S.K., D.J.M.K. (Kelantan)
(TENGKU KAYA PERKASA)

Salinan kepada:-

- Yang Berhormat
Setiausaha Sulit Kanan Kepada
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad V
Bahagian Pengurusan D'Raja
Pejabat Sultan Kelantan
Istana Balai Besar
15500 Kota Bharu
KELANTAN.

- Yang Berusaha
Setiausaha Sulit Kepada
Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Kelantan
Pejabat Sultan Kelantan
Istana Balai Besar
15000 Kota Bharu
KELANTAN.